



- Anwar menyampaikan replika cek sumbangan kepada penerima sambil diperhatikan Mohamad dan Amirudin pada Program sentuhan Agro Madani Peringkat Negeri Selangor di Sekinchan, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

# Sanusi didakwa ikut Akta Hasutan kerana cemar institusi diraja

**Anwar sangkal pertuduhan terhadap MB Kedah bertujuan lumpuhkan PAS dan PN**

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Amirul Aiman Hamsuddin  
bhnews@bh.com.my

**Sekinchan:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mempertahankan penggunaan Akta Hasutan 1948 dalam pendakwaan terhadap Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Noor kerana kenyataan yang dibuat oleh Menteri Besar Kedah itu menyentuh kedudukan dan martabat institusi diraja.

Pada masa sama, Perdana Menteri menafikan dakwaan bahawa pertuduhan dikenakan terhadap Muhammad Sanusi bertujuan melumpuhkan PAS dan Perikatan Nasional (PN) dalam mendepani pilihan raya negeri (PRN) 12 Ogos ini.

Anwar mendakwa, secara umumnya beliau tidak mahu Akta Hasutan digunakan dalam pendakwaan di mahkamah dengan menegaskan undang-undang itu tidak akan digunakan jika memabitkan kritikan terhadap Perdana Menteri.

Namun, katanya, ucapan Sanusi pada minggu lalu menyentuh kedudukan dan martabat golongan

diraja yang perlu dipertahan, bagi mengelak ia menjadi perbincangan politik yang tidak sihat.

"Ya. Saya dari segi dasarnya, kita elak penggunaan Akta Hasutan. Tapi ini bila menyentuh kedudukan Raja-Raja.

"Soal kritik Perdana Menteri, saya tak pernah gunakan itu sebagai satu alasan tapi ini soal kedudukan dan martabat Raja-Raja yang harus kita sanjung dan elak daripada menjadi satu wacana perbincangan politik yang tidak sihat," katanya kepada media selepas merasmikan Program Sentuhan Agro Madani peringkat negeri Selangor di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Beliau mengulas penggunaan Akta Hasutan 1948 dalam pertuduhan yang dikenakan terhadap Muhammad Sanusi di Mahkamah Sesyen Selayang, semalam.

Ketua Pengarah Pilihan PN itu didakwa atas tuduhan mengeluarkan kata-kata menghasut berhubung isu pelantikan Menteri Besar Selangor pada satu ceramah politik, minggu lalu.

Beliau didakwa melakukan perbuatan mempunyai kecenderungan menghasut dengan menyebut perkataan yang mempunyai kecenderungan membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja.

Mengulas lanjut, Anwar memaklumkan, kerajaan tidak terbabit dalam menentukan pertuduhan yang dikenakan

terhadap Sanusi sambil meminta semua pihak menghormati proses mahkamah.

Katanya, pertuduhan itu diputuskan oleh Pejabat Peguam Negara selepas meneliti hasil siasatan polis rentetan puluhan laporan polis yang diterima, khususnya daripada Dewan Diraja Selangor.

## PM tak masuk campur

"Polis buat siasatan dan Peguam Negara putuskan. Saya tak nak masuk campur. Saya minta semua orang teliti apa pendakwaannya.

"Apa dia laporan Dewan Diraja Selangor dan apa alasan Peguam Negara untuk pendakwaan selepas siasatan polis," katanya.

Mengulas tindakan polis menahan Sanusi pada kira-kira jam 3 pagi semalam, Anwar memaklumkan beliau tidak terbabit dalam tindakan itu dan hanya dimaklumkan kemudian.

"Itu kena tanya apa proses dia. Yang saya dapat maklumat, polis pantau, cari dan dapat (maklumat), dia tangkap," katanya.

Berhubung dakwaan Ahli Parlimen Pendang, Datuk Awang Hashim, mengatakan pertuduhan terhadap Sanusi itu bagi melumpuhkan PAS dan PN menjelang PRN bulan depan, Anwar memintanya meneliti laporan Dewan Diraja Selangor dan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

"Kita tengok siapa buat laporan, iaitu Dewan Diraja Selangor. Kemudian apa titah Sultan Selangor, kes belum selesai. Jadi saya fikir kita ikut proses," katanya.